

TS  
470

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENCAPAIAN PELAJAR DALAM  
MENGIKUTI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN MENGGUNAKAN  
BAHASA INGGERIS DI KOLEJ PROFESIONAL MARA  
BERANANG: DARI PERSPEKTIF PELAJAR**

MURNIWATI BINTI WAN AHMAD

Hak MiliK MARA

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN  
IBU PEJABAT MARA

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENCAPAIAN PELAJAR DALAM  
MENGIKUTI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN MENGGUNAKAN  
BAHASA INGGERIS DI KOLEJ PROFESIONAL MARA BERANANG:  
DARI PERSPEKTIF PELAJAR

MURNIWATI BINTI WAN AHMAD

KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA  
PENTADBIRAN PERNIAGAAN

Control No:	000460
Accession No.:	400470
Inv. No.:	TS .M873 2010

GRADUATE SCHOOL OF BUSINESS  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI

2010

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

10 Oktober 2010

MURNIWATI WAN AHMAD

ZP00239

## PENGHARGAAN

Segala puja puji bagi Allah, Tuhan sekelian alam dan selawat ke atas junjungan besar *Rasulullah S.A.W* dipanjatkan kesyukuran ke hadrat kurnia-Nya, maka kajian ini dapat disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terimakasih buat Prof. Madya Dr. Noreha Bt Halid, penyelia saya yang amat prihatin dan sabar dalam membimbing serta memberikan tunjuk ajar tanpa mengira masa sepanjang proses menyiapkan kajian dan laporan ini. Tanpa galakan, sokongan serta bimbingan beliau mana mungkin kajian ini dapat disempurnakan.

Ucapan terimakasih kepada pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang memberi peluang kepada saya untuk mengikuti pengajian peringkat sarjana di bawah tajaan MARA sepenuhnya. Kalungan penghargaan juga kepada pihak pengurusan kolej kerana membenarkan penulis menjalankan kajian di Kolej Profesional MARA Beranang. Ucapan terimakasih kepada semua rakan-rakan yang memberi komen yang membina terhadap cadangan kajian ini. Terimakasih juga kepada semua pelajar yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini. Semoga sumbangan kalian beroleh ganjaran daripadaNya.

## ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar di Kolej Profesional MARA Beranang dalam pengajaran menggunakan bahasa pengantar Bahasa Inggeris dalam semua subjek. Untuk lebih tepat, kajian ini adalah untuk menentukan faktor yang mempengaruhi pencapaian dari perspektif pelajar. Kajian ini mengkaji beberapa faktor iaitu faktor bahasa itu sendiri sebagai bahasa pengantar, faktor pengajaran pensyarah, faktor penguasaan Bahasa Inggeris pelajar dan faktor persekitaran yang mempengaruhi pencapaian 100 orang pelajar terlibat. Data dikumpul menggunakan borang soalselidik. Sampel kajian terdiri daripada 100 orang pelajar dari pelbagai program yang sedang mengikuti pengajian di Kolej Profesional MARA Beranang. Ujian Pearson digunakan untuk menentukan hubungan antara setiap faktor di atas terhadap pencapaian akademik (Timbunan Purata Markah Keseluruhan). Keputusan dari analisis mendapat bahawa ada hubungan yang signifikan antara faktor pengajaran pensyarah dan faktor persekitaran terhadap pencapaian akademik. Ujian t pula menunjukkan bahawa tiada hubungan yang signifikan antara jantina dengan pencapaian pelajar. Secara ringkasnya, keputusan kajian ini menunjukkan pada masa ini pelajar masih menghadapi pelbagai masalah. Pensyarah mestilah mengambil kira perbezaan setiap individu kerana perbezaan latarbelakang memainkan peranan yang penting dalam masalah yang diwujudkan oleh pelajar. Manakala faktor persekitaran tidak boleh diabaikan kerana hasil kajian mendapat bahawa faktor persekitaran juga menyumbang kepada kejayaan akademik pelajar.

## ABSTRACT

The purpose of this study is to investigate the factors that affect the academic achievement of students at Kolej Profesional MARA Beranang on the teaching of subjects in English by their lecturers. More specifically, this study is meant to find out the factors that affect the academic achievement from the students' perspective. This study examine the English language factor, lecturers factor, students' English proficiency factor and environment factor that affect the academic achievement of the 100 students. Questionnaire is used as the instrument of this study in order to collect data. The sample of this study consists of 100 students from various programs who are currently following the courses in KPMB. The Pearson test was used to determine the relationship between the factors above with their academic achievement (Cumulative Grade Point Accumulated). Result from the analysis indicates that there are significant differences between the lecturer's factor and environment factors toward the academic achievement. The t-test showed that there were no significant differences between male and female students in the student's achievement. In summary, the results of this study showed that at present students are still facing many types of problems. The lecturers have to take into consideration individual differences because the respondents' background plays an important role in forming the students' problems. Meanwhile, the environment factor should not be neglected because the results found that environment factor also contributed to students' academic success.

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI ILUSTRASI</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi
<b>BAB I PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Isu-isu dalam pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Tujuan Kajian	4
1.5 Persoalan Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	5
1.7 Skop Dan Batasan Kajian	6

<b>BAB II</b>	<b>TINJAUAN BAHAN PENULISAN YANG LEPAS</b>	
2.1	Latarbelakang pengajaran & pembelajaran dalam Bahasa Inggeris	7
2.2	Kajian lepas yang berkaitan	8
2.3	Faktor Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar	8
2.4	Faktor pengajaran pensyarah	9
2.5	Faktor tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar	10
2.6	Faktor persekitaran	11
2.7	Kerangka konseptual	12
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Rekabentuk Kajian	13
3.2	Hipotesis Kajian	13
3.3	Kaedah dan lokasi persampelan	14
3.4	Instrumen Kajian	14
3.5	Pengumpulan Data dan Maklumat	15
3.6	Analisis Data	17
<b>BAB IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Profil responden kajian	18
4.2	Min dan sisihan piawai	19
4.3	Tahap setiap faktor terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris	20
4.4	Korelasi diantara setiap faktor dengan pencapaian pelajar	22

4.5	Analisis Regresi Berbilang	23
4.6	Analisis Mengikut Jantina	24
4.7	Kesimpulan dan dapatan kajian	25
<b>BAB V      IMPLIKASI DAN RUMUSAN DAPATAN KAJIAN</b>		
5.1	Rumusan dan dapatan kajian	27
5.2	Cadangan Kajian Lanjutan	28
5.3	Kesimpulan	29
<b>RUJUKAN</b>		30
<b>LAMPIRAN</b>		32
A	Dapatan Min Dan Sisihan Piawai	33
B	Dapatan Ujian Korelasi	34
C	Dapatan Regresi Berbilang	37
D	Dapatan Ujian-t	39
E	Borang Soal Selidik	42

### **SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Halaman
3.1 Faktor bahasa pengantar	15
3.2 Faktor pengajaran pensyarah	15
3.3 Faktor tahap penguasaan Bahasa Inggeris dikalangan pelajar	16
3.4 Faktor persekitaran	17
4.1 Profil sampel responden kajian	18
4.2 Min dan sisihan piawai	19
4.3 Tahap setiap faktor terhadap pengajaran & pembelajaran dalam Bahasa Inggeris	20
4.4 Korelasi	22
4.5 Regresi berbilang	23
4.6 Analisis Ujian-t mengikut jantina	25

Hak Milik MARA

**SENARAI ILUSTRASI**

No. Rajah	Halaman
2.1 Kerangka Konseptual Kajian	12
3.1 Skala Likert	14

Hak Milik MARA

**SENARAI SINGKATAN**

ANOVA	Analysis of Variance
KPMB	Kolej Profesional Mara Beranang
MARA	Majlis Amanah Rakyat
NGO	Non- Government Organization
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Package For the Social science
TPMK	Timbunan Purata Markah Keseluruhan

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris adalah satu sistem yang telah ditetapkan oleh pihak MARA di semua Institusi Pendidikan Tinggi MARA. Dasar ini adalah selaras dengan matlamat kerajaan untuk melahirkan modal insan yang boleh menguasai kemahiran untuk memahami, menganalisis dan menghurai maklumat khususnya dalam Bahasa Inggeris. Pelaksanaan dasar ini sedikit sebanyak memberi tekanan kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang terpilih untuk menyambung pengajian diperingkat diploma di Kolej Profesional MARA. Pelbagai masalah yang dihadapi samada di pihak pengajar atau pelajar itu sendiri. Di sini, kajian akan dilakukan bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi sikap pelajar untuk menerima sistem ini. Antara faktor yang akan dikenal pasti dalam kajian ini adalah dari segi faktor Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, faktor pengajaran pensyarah, faktor tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar dan yang akhir sekali adalah faktor persekitaran.

Bahasa Inggeris boleh dikatakan satu bahasa yang dituturkan oleh pelbagai lapisan masyarakat di seluruh dunia. Oleh itu, menjadi satu keperluan kepada setiap orang untuk mempelajari dan menguasai bahasa tersebut bagi melangkah kearah yang lebih maju dan

seiring dengan perjalanan globalisasi masa kini. Bahasa sangat penting dalam penyampaian dan pembinaan ilmu kepada seseorang. Bahasa Inggeris adalah bahasa antarabangsa digunakan secara meluas terutama dalam bidang sains dan teknologi. Menurut Kesatuan Guru dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Bahasa Inggeris bukan sahaja dapat membantu golongan pelajar menguasai bahasa berkenaan dengan lebih baik malah juga mampu bersaing dengan pelajar-pelajar asing terutama dalam era globalisasi sekarang ini.

## **1.2 ISU-ISU DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM BAHASA INGGERIS**

Kajian sebelum ini mendapati terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kewujudan permasalahan di kalangan pelajar untuk menguasai matapelajaran yang diajarkan dalam Bahasa Inggeris. Antara faktor-faktor tersebut ialah faktor bahasa pengantar, faktor pengajaran guru dalam Bahasa Inggeris, faktor tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar dan faktor persekitaran pengajaran dan pembelajaran.

Bahasa pengantar memainkan peranan yang amat penting bagi menyampaikan isi pelajaran serta mencapai objektif pelajaran. Jumrang (2004) menyatakan, "jika pelajar tidak memahami segala penyampaian dan pengajaran guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran kerana penggunaan bahasa maka pastinya ia akan membawa kepada masalah pembelajaran kepada pelajar tersebut". Guru juga merupakan faktor utama menyumbang kepada kecemerlangan pelajar dalam akademik. Guru yang bijaksana akan menjadikan proses pengajaran sesuatu yang bermanfaat (Widad 1998). Menurutnya lagi kecekapan dan keberkesanannya seseorang guru memainkan peranan yang penting sebagai pembimbing atau model kerana ia akan mempengaruhi pelajar untuk menunjukkan sikap yang positif terhadap pencapaian akademik. Menurut Robiah (1994), faktor pengajaran guru sangat memberikan kesan kepada corak pembelajaran dan penglibatan pelajar dalam Matematik. Di samping itu, daya tarikan sesuatu pelajaran amat bergantung kepada kemahiran mengajar dan pengajaran guru (Kamaruddin 1989). Sesuatu pengajaran yang

baik dan berkesan memerlukan guru yang pandai dan berkebolehan mempelbagaikan kaedah, teknik dan aktiviti yang dijalankan dalam pengajarannya.

Selain itu menurut Fathman (1986), kejayaan seseorang dalam mata pelajaran bahasa kedua dipengaruhi oleh ciri-ciri individu pelajar itu sendiri. Pelajar yang bermasalah adalah pelajar yang tidak dapat berkomunikasi dengan baik serta mempunyai asas Bahasa Inggeris yang lemah. Erwin (1984) mendapati bahawa dengan kekerapan latihan sahaja seseorang mungkin tidak dapat menguasai bahasa yang dipelajari. Ianya perlu ditambah dengan pemahaman nahu dan pembinaan ayat untuk penguasaan bahasa yang dipelajari. Polisi kerajaan Malaysia menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa terpenting selepas Bahasa Melayu namun kurang daripada 10 peratus rakyat Malaysia yang boleh menggunakan Bahasa Inggeris untuk berkomunikasi (Fasold 1999). Menurut Taib(1998), penggunaan Bahasa Inggeris di Malaysia hanya tertumpu kepada golongan atasan sahaja. Keberkesanan pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris terhadap pencapaian pelajar masih berada pada tahap yang sederhana (Farahasnida 2004).

Yen Yeong (2004) mendapati pelajar kurang bersedia dan ini menyebabkan banyak masalah semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelajar adalah masalah dengan sebutan dan pemahaman istilah Matematik dalam Bahasa Inggeris serta masalah dalam menstrukturkan ayat. Ini menyebabkan pelajar jarang bertanya soalan kerana kesukaran untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris.

Manakala Bell (1988) mendapati faktor yang menjurus kepada kelemahan pembelajaran Matematik di kalangan pelajar adalah disebabkan faktor keluarga dan juga persekitaran. Menurut kajian yang dilakukan oleh Gilliland (1996), persekitaran yang bising akan mengganggu proses pengajaran. Ini akan menyebabkan kurangnya perhatian pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran, meningkatkan tekanan emosi, mengganggu pandangan dan melemahkan daya berfikir pelajar. Ini menimbulkan masalah pembelajaran di kalangan pelajar.

Sehubungan itu kajian akan cuba untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar KPMB dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran yang diajarkan menggunakan Bahasa Inggeris. Masalah-masalah yang akan dikaji memfokuskan kepada beberapa faktor berikut iaitu faktor bahasa pengantar (Bahasa Inggeris), faktor pengajaran guru dalam Bahasa Inggeris, faktor tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar dan faktor persekitaran.

### **1.3 PERNYATAAN MASALAH**

Penguasaan pelajar dalam Bahasa Inggeris adalah kurang memuaskan. Pemerhatian yang dibuat ke atas pelajar-pelajar di Kolej Profesional MARA Beranang mendapati sebilangan besar pelajar tidak dapat menguasai pembelajaran dalam Bahasa Inggeris dengan sepenuhnya. Kelemahan ini mungkin menyebabkan pelajar tidak berminat untuk mempelajari sesuatu subjek dan menjadikan subjek itu lebih sukar untuk diikuti.

Oleh itu kajian ini dijalankan bagi mengkaji faktor-faktor yang mewujudkan masalah pembelajaran dalam Bahasa Inggeris di kalangan pelajar KPMB. Sebagaimana yang kita sedia maklum, ada pelbagai faktor yang memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar. Dalam kajian ini, faktor yang akan dikaji terdiri daripada faktor Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, faktor pengajaran pensyarah, faktor tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar dan faktor persekitaran.

### **1.4 TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris di kalangan pelajar KPMB. Objektif kajian ini adalah untuk:

- i) Menentukan faktor yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris di kalangan pelajar.
- ii) Mengkaji hubungan antara masalah dalam pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris dengan pencapaian pelajar (Tembunan Purata Markah Keseluruhan).

### 1.5 PERSOALAN KAJIAN

Diharapkan kajian ini dapat menjawab beberapa persoalan berikut:

- i) Faktor manakah yang paling utama yang mempengaruhi pelajar KPMB dalam pembelajaran menggunakan Bahasa Inggeris.
- ii) Adakah terdapat perhubungan antara masalah dalam pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris dengan pencapaian pelajar (TPMK).

### 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Bahasa Inggeris adalah amat penting dalam era globalisasi ini. Oleh kerana menyedari akan pentingnya Bahasa Inggeris maka pihak MARA menetapkan semua institusi pendidikan tinggi di bawahnya dikendalikan dalam Bahasa Inggeris. Ini tidak terkecuali kepada pelajar KPMB walaupun banyak faktor yang menjadi halangan dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris.

Sejak lama dulu, isu penguasaan Bahasa Inggeris di sekolah, universiti dan sektor pekerjaan terus diperkatakan. Masalah mungkin berpunca daripada kebanyakan individu yang tidak mahu memperbaiki kelemahan menguasai Bahasa Inggeris. Ramai yang selesa bertutur dalam bahasa ibunda, sedangkan ada pihak lain mampu menguasai lebih daripada satu bahasa antarabangsa. Dengan adanya kajian ini diharapkan dapat membantu pihak

MARA untuk mencari teknik pengajaran atau pembelajaran yang lebih berkesan dalam membantu pelajar-pelajar menguasai Bahasa Inggeris dengan lebih baik.

#### **1.7 SKOP DAN BATASAN KAJIAN**

Kajian dilakukan di kalangan pelajar Kolej Profesional MARA Beranang sahaja. Pelajar yang terlibat adalah dari program Diploma Perakaunan, Diploma Perniagaan dan Diploma Teknologi Maklumat. Batasan kajian adalah dari segi masa dan bilangan responden yang terhad. Kajian ini tidak memberikan gambaran keseluruhan populasi kerana sampel hanya pada perspektif pelajar KPMB sahaja dan juga tidak mengambil kira dari perspektif lain contohnya dari perspektif pensyarah.

Hak Milik MARA

## **BAB II**

### **TINJAUAN BAHAN PENULISAN YANG LEPAS**

#### **2.1 LATARBELAKANG PENGAJARAN & PEMBELAJARAN DALAM BAHASA INGGERIS**

Pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris di semua institusi pendidikan tinggi MARA telah lama dijalankan. Ini bertujuan untuk mengeluarkan graduan bumiputra yang berdaya saing dan menepati kehendak pasaran kerja masa kini. Bahasa pengantar Bahasa Inggeris digunakan dalam semua matapelajaran kecuali mata pelajaran Agama dan Kenegaraan sahaja disampaikan dalam Bahasa Malaysia.

Semua pelajar yang diterima masuk ke Kolej Profesional MARA adalah pelajar bumiputra sahaja dan mesti mencapai keputusan sekurang-kurangnya kredit dalam Bahasa Inggeris. Bagi pelajar yang tidak menepati syarat-syarat di atas akan ditawarkan untuk menghadiri kursus pra-diploma selama 6 bulan sebelum ditawarkan mengikuti Kursus peringkat diploma di KPM.

## 2.2 KAJIAN LEPAS YANG BERKAITAN

Menurut Asmah (1989), kemahiran dalam Bahasa Inggeris juga adalah salah satu keperluan untuk membangunkan negara Malaysia untuk menjadi sebuah negara perindustrian yang maju. Selaras dengan pelaksanaan dasar pengajaran dalam Bahasa Inggeris ini, setiap warga Malaysia telah diseru untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kehidupan. Latihan yang berterusan memberikan keputusan yang positif. Di sinilah, usaha yang tinggi diperlukan dalam menjadikan bahasa ini sebatik dalam diri dan kehidupan kita di samping tidak merendahkan bahasa kebangsaan yang tetap menjadi bahasa kebangsaan negara kita. Mantan Perdana Menteri kita juga telah menekankan bahawa setiap warganegara Malaysia yang berpendidikan haruslah mempunyai kecekapan dalam Bahasa Inggeris. Penguasaan dalam Bahasa Inggeris boleh menjadi tiket untuk maju ke hadapan dan menjadi seorang yang disegani oleh semua orang.

Dapatan kajian yang dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Universiti Kebangsaan Malaysia (2004) menunjukkan penurunan prestasi yang cukup membimbangkan di kalangan pelajar yang terlibat dalam mata pelajaran sains dan matematik, Bahasa Inggeris dan bahkan bahasa Melayu. Dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun Tingkatan 2 pada tahun pengajian 2004 (pelajar yang mula belajar Sains dan Matematik di tingkatan 1 pada tahun 2003 dalam Bahasa Inggeris), peratus pelajar yang mendapat gred cemerlang (gred A) bagi mata pelajaran Sains hanya 11.9% dan bagi mata pelajaran Matematik hanya 16.9%. ini. Ini telah membuktikan bahawa bakal guru terutamanya haruslah meningkatkan usaha untuk memastikan pengajaran yang berkesan seterusnya melahirkan pelajar yang berjaya.

## 2.3 FAKTOR BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA PENGANTAR

Fasol(1999) berpendapat bahawa walaupun Bahasa Inggeris menjadi bahasa kedua terpenting selepas Bahasa Melayu, namun kurang daripada 10 peratus rakyat Malaysia yang boleh menggunakan Bahasa Inggeris untuk berkomunikasi. Menurut Taib(1998), penggunaan Bahasa Inggeris di Malaysia adalah tidak secara meluas. Penggunaanya

hanya tertumpu kepada golongan berada dan yang mempunyai latarbelakang keluarga yang sentiasa menggunakan Bahasa Inggeris dalam percakapan sehari-hari.

Jumrang(2004) menyatakan bahawa suatu proses pengajaran dan pembelajaran itu tidak akan berjalan dengan lancar jika pelajar tidak memahami bahasa yang digunakan oleh pengajar. Ini akan mewujudkan masalah pembelajaran kepada pelajar.

#### **2.4 FAKTOR PENGAJARAN PENSYARAH**

Faktor lain adalah dari segi pengajaran guru itu sendiri. Kajian oleh Blair (1998) menyatakan dapatan kajian yang diperolehi mendapati pendekatan pengajaran guru yang pelbagai menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran mampu menarik minat responden dan juga meningkatkan tahap keyakinan pelajar terhadap gurunya.

Kamaruddin (1986), mendapati daya tarikan sesuatu pengajaran bergantung kepada kemahiran mengajar dan kaedah guru. Ini sejajar dengan Mok Soon Sang (1995) yang menyatakan penggunaan bahan bantu mengajar dapat membantu guru dalam aktiviti pengajaran manakala responden pula dalam aktiviti pembelajaran. Responden dapat mempelajari konsep dengan tepat dan penuh minat serta kekal lebih lama dalam ingatan.

Blair(1998) mendapati gaya pengajaran guru akan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik dan pelajar juga akan mempunyai tahap keyakinan yang tinggi terhadap pengajarnya. Tajul Arrifin(1998) pula berpendapat guru yang menggunakan teknik atau kaedah pengajaran yang sama akan mewujudkan perasaan bosan dikalangan pelajarnya. Abdul Rahim(1984) menyatakan bahawa gaya pengajaran guru yang mengulang berulang kali sesuatu fakta atau perkara dapat membantu pelajar untuk lebih mudah mengingatinya dalam jangka masa yang lama. Ini juga dapat mengukuhkan lagi pemahaman pelajar.

Garsha & Hicks(2000) berpendapat sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran itu dapat berlaku dengan berkesan dengan cara menitikberatkan cara pengajaran dan bukan pada cara pembelajaran sahaja. Pengajaran guru adalah penting untuk menjamin proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar. Oxford & Lavine(1991) mengkaji dari sudut keserasian gaya pengajaran dan gaya pembelajaran. Dari kajian ini didapati keserasian gaya pengajaran dan gaya pembelajaran telah dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik, membaiki sikap dan tingkah laku pelajar.

## 2.5 FAKTOR TAHAP PENGUASAAN BAHASA INGGERIS PELAJAR

Selain itu menurut Fathman (1986), ciri-ciri individu pelajar itu sendiri mempengaruhi kejayaan seseorang dalam mata pelajaran bahasa kedua. Pelajar yang bermasalah dalam menguasai Bahasa Inggeris tidak akan dapat berkomunikasi dengan baik. Mereka juga akan menghadapi masalah dalam memahami sesuatu perkara yang diajar menggunakan Bahasa Inggeris. Erwin (1984), mendapati bahawa dengan kekerapan latihan sahaja seseorang mungkin tidak dapat menguasai bahasa yang dipelajari. Ianya perlu ditambah dengan pemahaman nahu dan pembinaan ayat untuk penguasaan bahasa yang dipelajari. Polisi kerajaan Malaysia menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa terpenting selepas Bahasa Melayu.

Dari segi tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar juga, menurut August dan Hakuta (1997), penguasaan bahasa Inggeris dikalangan pelajar dapat membantu pelajar menguasai isi kandungan bidang-bidang pelajaran dan seterusnya dapat menguasai Bahasa Inggeris dan kemahiran.

Kajian oleh Tarmizi (2003) yang menyatakan faktor yang paling mempengaruhi penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan responden adalah pengetahuan asas bahasa Inggeris di peringkat sekolah. Di samping itu, responden yang lemah pengetahuan asas Bahasa Inggeris di peringkat sekolah adalah sukar untuk menguasai Bahasa Inggeris (Jumali 1992). Ini juga bertepatan dengan kajian oleh Fathman (1986) yang menyatakan bahawa kejayaan seseorang dalam mata pelajaran bahasa kedua dipengaruhi oleh ciri-ciri

individu responden itu sendiri. Responden yang bermasalah adalah responden yang mempunyai asas Bahasa Inggeris yang lemah dan tidak dapat berkomunikasi dengan baik. Penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah di kalangan responden menyebabkan responden turut bermasalah dalam pembelajaran Matematik yang kini diajar dalam Bahasa Inggeris. Hal ini sejajar dengan dapatan Aziz (2005) iaitu penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan responden berada pada tahap yang memuaskan dan mendapat majoriti responden tidak boleh berkomunikasi Bahasa Inggeris dengan baik.

## 2.6 FAKTOR PERSEKITARAN

Faktor persekitaran juga memainkan peranan yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Ini dapat dilihat dalam kajian Bell (1988) di mana beliau mendapati faktor yang menjurus kepada kelemahan pembelajaran Matematik di kalangan pelajar adalah disebabkan faktor keluarga dan juga persekitaran. Menurut kajian yang dilakukan oleh Gilliland (1996), persekitaran yang bising akan mengganggu proses pengajaran. Di samping itu, akan menyebabkan kurangnya perhatian pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran, meningkatkan tekanan emosi, mengganggu pandangan dan melemahkan daya berfikir pelajar. Ini menimbulkan masalah pembelajaran di kalangan pelajar.

Ee Meng(1992) mendapati bahawa pelajar mempunyai motivasi yang tinggi dalam mempelajari sesuatu jika berada dalam persekitaran yang baik dan selesa. Pelajar akan lebih belajar bersungguh-sungguh dalam keadaan yang mereka anggap selesa. Persekitaran ini dapat membantu proses pembelajaran dan pengajaran berlaku dengan berkesan. Bagi Ibrahim(1995) pula, beliau berpendapat pembelajaran berkesan disebabkan oleh faktor persekitaran yang menyenangkan. Tempat belajar yang selesa membantu proses pembelajaran dan pengajaran berlaku secara berkesan dan baik.

## 2.7 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian adalah berdasarkan kajian-kajian lepas. Dalam kajian ini kita akan lihat hubungan antara empat faktor yang mewujudkan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dengan tahap pencapaian pelajar iaitu Timbunan Purata Markah Keseluruhan(TPMK).



## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 REKABENTUK KAJIAN**

Kaedah kajian ini adalah berbentuk kuantitatif di mana masalah atau faktor yang ada dalam pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris ditinjau menggunakan borang soal selidik. Kajian korelasi digunakan untuk mengenal pasti bentuk hubungan antara boleh ubah bersandar dan tidak bersandar. Selain dari itu kajian regresi juga dijalankan untuk menguji model yang dibentuk. Ujian-t dibuat untuk melihat kaitan antara setiap faktor dengan profil demographik.

#### **3.2 HIPOTESIS KAJIAN**

Berdasarkan persoalan dan permasalahan kajian, hipotesis kajian adalah seperti berikut:

H1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor bahasa pengantar dengan pencapaian akademik pelajar.

H2 : Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pengajaran guru dengan pencapaian akademik pelajar.

H3 : Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar dengan pencapaian akademik pelajar

H4 : Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor persekitaran dengan pencapaian akademik pelajar.

### **3.3 KAEADAH DAN LOKASI PERSAMPELAN**

Kajian dilakukan di Kolej Profesional MARA Beranang(KPMB) yang melibatkan pelajar semester 2 dan ke atas dari program Diploma Perakaunan, Diploma Perniagaan dan Diploma Teknologi Maklumat.KPMB adalah sebuah kolej di bawah kendalian MARA sepenuhnya. Pelajar-pelajar mengikuti program diploma diberikan elaun sara hidup bulanan selama berada di KPMB. Seramai 100 orang pelajar dipilih berdasarkan keperluan kajian ini.

### **3.4 INSTRUMEN KAJIAN**

Kajian menggunakan borang soal selidik. Instrumen menggunakan skala Likert 5 mata seperti Rajah 3.1.

RAJAH 3.1  
Skala Likert

Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Sutuju	Sangat setuju
1	2	3	4	5

Soalselidik adalah terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A adalah berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris. Manakala bahagian B terdiri dari maklumat pelajar seperti jantina, semester, TPMK dan program.

### 3.5 PENGUMPULAN DATA DAN MAKLUMAT

Pengumpulan data adalah menggunakan borang soal selidik. Bahagian A borang soal selidik ini terdiri daripada beberapa soalan mengikut setiap faktor yang akan dikaji. Soalan bagi setiap faktor adalah seperti berikut:

JADUAL 3.1

## Faktor bahasa pengantar

No	Item
1	Saya faham segala isi pelajaran dalam Bahasa Inggeris yang disampaikan oleh guru
2	Saya dapat mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris dengan baik
3	Saya dapat mengingat istilah-istilah dalam Bahasa Inggeris dengan baik
4	Saya dapat menjawab soalan mahupun latihan dalam Bahasa Inggeris yang dikemukakan oleh guru dengan baik samada secara lisan atau bertulis
5	Saya dapat menjawab soalan ujian mahupun peperiksaan Semua subjek dalam Bahasa Inggeris dengan baik
6	Saya suka belajar dalam Bahasa Inggeris

JADUAL 3.2

## Pengajaran Pensyarah

No	Item
7	Kaedah pengajaran dalam Bahasa Inggeris yang digunakan oleh guru mudah difahami.
8	Guru menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran dalam Bahasa Inggeris

bersambung....

...sambungan

9	Guru menggunakan bahan bantu mengajar dalam Bahasa Inggeris semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat pelajar.
10	Guru sentiasa bersedia mengajar dalam Bahasa Inggeris dan pengajaran guru teratur dan sistematik.
11	Guru memberi tunjuk ajar apabila saya menghadapi sebarang masalah dalam pembelajaran menggunakan Bahasa Inggeris
12	Guru akan mengulang kembali isi pelajaran dalam Bahasa Inggeris jika saya tidak faham.

### JADUAL 3.3

Faktor tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

No	Item
13	Saya menguasai asas Bahasa Inggeris dengan baik
14	Saya boleh membaca artikel, rencana, buku dan sebagainya dalam Bahasa Inggeris dengan baik
15	Saya boleh menulis dan mengarang dalam Bahasa Inggeris dengan baik
16	Saya boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan baik bersama rakan, keluarga dan sebagainya
17	Saya memahami kandungan buku teks, nota maupun buku rujukan dalam Bahasa Inggeris dengan baik
18	Pencapaian saya dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah baik

**JADUAL 3.4**  
**Faktor persekitaran**

No	Item
19	Aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam BI berjalan dalam suasana yang selesa dan menyeronokkan
20	Kolej mengadakan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar
21	Kolej menyediakan pelbagai kemudahan pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris bagi kegunaan guru mahupun pelajar
22	Ibu bapa dan keluarga sering memberi dorongan kepada saya bagi pembelajaran dalam Bahasa Inggeris
23	Ibu bapa sentiasa mengikuti perkembangan dan tahap pencapaian pembelajaran saya bagi semua subjek dalam Bahasa Inggeris
24	Ibu bapa menyediakan buku rujukan, bahan bacaan, buku latihan dan sebagainya bagi mata pelajaran Matematik dalam Bahasa Inggeris

Bahagian B borang soal selidik adalah berkaitan latarbelakang pelajar yang dipilih sebagai responden. Antara soalan yang ditanya adalah jantina, program dan pencapaian akademik( TPMK).

### 3.6 ANALISIS DATA

Semua data dari borang soal selidik dianalisis menggunakan Program Statistical Package For the Social Science (SPSS) window release 16.0 untuk memudahkan pengiraan jawapan kepada semua persoalan kajian yang dikemukakan. Analisis korelasi digunakan untuk menguji hipotesis berkaitan hubungan antara faktor-faktor yang dikaji dengan pencapaian. Analisis data merangkumi analisis deskriptif dan regresi. Statistik seperti kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai akan digunakan dalam analisis deskriptif. Manakala teknik analisis seperti korelasi dan regresi berganda akan digunakan untuk tujuan analisis.

## BAB IV

### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

#### 4.1 PROFIL RESPONDEN KAJIAN

Kajian ini melibatkan 100 orang pelajar dari tiga program diploma iaitu Diploma Perakaunan, Diploma Pengajian Perniagaan, dan Diploma Teknologi Maklumat. Pelajar yang terlibat adalah pelajar semester dua sehingga semester lima pengajian. Profil pelajar adalah seperti ditunjukkan pada Jadual 4.1.

JADUAL 4.1  
Profil Sampel Responden Kajian

Pembolehubah Profil		Kekerapan (n)	Peratus(%)
Jantina	Lelaki	32	32
	Perempuan	68	68
Program	Diploma Perakaunan	71	71
	Diploma Pengajian Perniagaan	19	19
	Diploma Teknologi Maklumat	10	10
Semester	Sem 2	42	42
	Sem 3	4	4
	Sem 4	8	8
	Sem 5	46	46
JUMLAH		100	

Kebanyakan responden adalah perempuan iaitu seramai 68 orang (68%) dan selebihnya adalah terdiri dari pelajar lelaki iaitu 32 orang (32%). Pelajar Diploma Perakaunan adalah paling ramai iaitu 71 orang (71%) diikuti oleh pelajar dari program Diploma Pengajian Perniagaan seramai 19 orang (19%) dan pelajar dari program Diploma Teknologi Maklumat seramai 10 orang (10%). Pelajar semester kelima mendahului dengan bilangan paling tinggi iaitu 46 orang (46%) diikuti oleh pelajar semester kedua seramai 42 orang (42%) manakala pelajar semester keempat dan ketiga masing-masing melibatkan jumlah pelajar seramai 8 orang (8%) dan 4 orang (4%) sahaja.

#### 4.2 MIN DAN SISIHAN PIAWAI

JADUAL 4.2

Min dan Sisihan Piawai

Item	Min	Sisihan Piawai
Faktor bahasa	3.7217	0.73591
Faktor pensyarah	3.9717	0.60814
Faktor tahap penguasaan	3.5900	0.67187
Faktor persekitaran	3.6850	0.64523

Faktor tahap penguasaan Bahasa Inggeris memberikan min yang paling rendah iaitu 3.5900. Ini menunjukkan bahawa responden tidak mempunyai tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang baik. Bagi faktor pengajaran pensyarah pula nilai min adalah paling tinggi iaitu 3.9717 dan ini menunjukkan bahawa responden menyukai cara pengajaran pensyarah. Responden setuju dengan cara yang digunakan oleh pensyarah dalam menyampaikan pengajaran menggunakan Bahasa Inggeris dapat memudahkan responden memahami subjek yang diajar. Faktor yang lain tidak menunjukkan perbezaan yang ketara.

### 4.3 TAHAP SETIAP FAKTOR TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM BAHASA INGGERIS

Bahagian analisis ini adalah untuk melihat tahap kesetujuan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris bagi setiap faktor yang dikaji. Penentuan tahap kesetujuan pelajar dianalisis secara deskriptif dengan mencari kekerapan dan peratus pelajar bagi setiap tahap. Kekerapan dan peratusan setiap tahap ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

JADUAL 4.3

Tahap setiap faktor terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris

Faktor	Tahap	Kekerapan (n)	Peratus(%)
Bahasa	Sangat tidak setuju	2	2
	Tidak setuju	10	10
	Tidak pasti	48	48
	Setuju	33	33
	Sangat setuju	7	7
Pengajaran pensyarah	Sangat tidak setuju	0	0
	Tidak setuju	6	6
	Tidak pasti	32	32
	Setuju	53	53
	Sangat setuju	9	9
Penguasaan bahasa pelajar	Sangat tidak setuju	2	2
	Tidak setuju	9	9
	Tidak pasti	59	59
	Setuju	27	27

Sambungan....

## .....sambungan

	Sangat setuju	3	3
Persekutaran	Sangat tidak setuju	1	1
	Tidak setuju	8	8
	Tidak pasti	55	55
	Setuju	30	30
	Sangat setuju	6	6
	JUMLAH	100	100

Jadual 4.3 di atas menunjukkan tahap kesetujuan bagi empat faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan pengajaran dalam Bahasa Inggeris. Bagi faktor Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar 12% (12 orang) tidak setuju ianya dipengaruhi oleh faktor ini, 48% (48 orang) tidak pasti dan 40% (40 orang) setuju bahawa faktor ini banyak mempengaruhi pembelajaran mereka. Bagi faktor pengajaran pensyarah 6% (6 orang) tidak setuju ianya dipengaruhi oleh faktor ini, 32% (32 orang) tidak pasti dan 62% (62 orang) setuju bahawa faktor ini banyak mempengaruhi pembelajaran mereka. Manakala bagi tahap penguasaan Bahasa Inggeris dikalangan pelajar pula 11% (11 orang) tidak setuju ianya dipengaruhi oleh faktor ini, 59% (59 orang) tidak pasti dan 30% (30 orang) setuju bahawa faktor ini banyak mempengaruhi pembelajaran mereka. Bagi faktor Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar 12% (12 orang) tidak setuju ianya dipengaruhi oleh faktor ini, 48% (48 orang) tidak pasti dan 40% (40 orang) setuju bahawa faktor ini banyak mempengaruhi pembelajaran mereka. Faktor yang terakhir adalah persekitaran di mana 9% (9 orang) tidak setuju ianya dipengaruhi oleh faktor ini, 55% (55 orang) tidak pasti dan 36% (36 orang) setuju bahawa faktor ini banyak mempengaruhi pembelajaran mereka.

**4.4 KORELASI DIANTARA SETIAP FAKTOR DENGAN PENCAPAIAN PELAJAR.**

JADUAL 4.4

Korelasi

Korelasi	r	Sig
Faktor bahasa dengan TPMK	0.149	0.069
Faktor pensyarah dengan TPMK	0.333**	0.000
Faktor tahap penguasaan dengan TPMK	-0.057	0.287
Faktor persekitaran dengan TPMK	0.183*	0.034

\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$

\*\*Signifikan pada aras  $p < 0.01$

Jadual 4.4 diatas adalah korelasi bagi hubungan antara setiap faktor yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris dengan pencapaian pelajar pencapaian iaitu timbunan purata markah keseluruhan (TPMK).

Dapatan dari analisis menunjukkan bahawa hanya dua faktor sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar. Korelasi antara faktor pengajaran pensyarah dan pencapaian adalah signifikan pada aras  $p < 0.01$  dengan nilai  $r = 0.333$  dan bagi faktor persekitaran pula, ianya signifikan pada aras  $p < 0.05$  dengan nilai  $r = 0.034$ . Hasil kajian ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Robiah(1994) dimana faktor pengajaran guru sangat memberi kesan kepada corak pembelajaran dan penglibatan pelajar. Kamarudin(1989) pula mendapat daya tarikan sesuatu pelajaran amat bergantung kepada kemahiran mengajar dan pengajaran guru.

Kajian Bell(1988) mendapat faktor yang menjurus kepada kelemahan pembelajaran di kalangan pelajar adalah disebabkan faktor keluarga dan persekitaran. Menurut kajian yang dilakukan oleh Gilliland(1996), persekitaran yang bising akan mengganggu proses pengajaran. Disamping itu, akan menyebabkan kurangnya perhatian

pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran, meningkatkan tekanan emosi, mengganggu pandangan dan melemahkan daya berfikir pelajar.

Manakala bagi dua lagi faktor iaitu faktor bahasa itu sendiri sebagai bahasa pengantar tidak memberikan nilai yang signifikan dan bagi faktor tahap penguasaan pelajar dalam Bahasa Inggeris memberikan nilai  $r=-0.057$  iaitu hubungan yang negative dan tidak signifikan pada  $p < 0.05$ .

#### 4.5 REGRESI BERBILANG DIANTARA SETIAP FAKTOR DENGAN PENCAPAIAN PELAJAR.

JADUAL 4.5

Regresi Berbilang

	R	R Kuasa dua	R Kuasa dua Terlaras	Std. Error of the Estimate
1	.414 <sup>a</sup>	.172	.137	.93472

a. Predictors: (Constant), MEANPersekutaran, MEANBahasa, MEANPensyarah, MEANPenguasaan

ANOVA<sup>b</sup>

Model	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1 Regression	17.189	4	4.297	4.918	.001 <sup>a</sup>
Residual	83.001	95	.874		
Total	100.190	99			

a. Predictors: (Constant), MEANPersekutaran, MEANBahasa, MEANPensyarah, MEANPenguasaan

b. Dependent Variable: FCGPA

**Coefficients<sup>a</sup>**

Model	Unstandardized Coefficients			t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
1 (Constant)	.884	.690		1.282	.203
MEANBahasa	.153	.181	.112	.844	.401
MEANPensyarah	.561	.207	.339	2.709	.008
MEANPenguasaan	-.504	.195	-.336	-2.588	.011
MEANPersekuturan	.194	.194	.125	1.001	.319

a. Dependent Variable: FCGPA

Analisis mendapati bahawa secara keseluruhannya pembolehubah bersandar menerangkan hanya 17.2% dari variasi(R square) dalam pencapaian, dimana ia adalah signifikan sebagaimana yang ditunjukkan oleh nilai F iaitu 4.918. Jika dilihat pada nilai t ia menunjukkan bahawa faktor pengajaran pensyarah memberi sumbangan terpenting kepada pencapaian.

#### 4.6 ANALISIS MENGIKUT JANTINA

Analisis ujian-t mendapati faktor Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, faktor pengajaran pensyarah dan faktor persekitaran menujukkan hubungan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan. Jadual 4.6 menunjukkan perbezaan nilai min yang tidak begitu ketara antara pelajar lelaki dan perempuan.

### JADUAL 4.6

#### Analisis Ujian-t Mengikut Jantina

Faktor	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig.
Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar					
Lelaki	32	3.6979	.96576	-.220	.023*
Pengajaran Pensyarah	Perempuan	68	3.7328	.60686	-.188
Lelaki	32	3.8229	.75007	-1.694	.021*
Persekutaran	Perempuan	68	4.0417	.52022	-1.490
Lelaki	32	3.6042	.83253	-.858	.031*
Penguasaan bahasa Inggeris pelajar	Perempuan	68	3.7230	.53842	-.738
Lelaki	32	3.5990	.86640	.091	.070
	Perempuan	68	3.5858	.56537	.079

\*Signifikan pada  $p < 0.05$

#### 4.7 KESIMPULAN DAPATAN KAJIAN

Beberapa perkara dapat dirumuskan dari dapatan kajian yang dibincangkan di atas.

Antaranya adalah seperti berikut:

- i) Hubungan adalah tidak signifikan antara faktor bahasa pengantar dengan pencapaian akademik pelajar. Ini menunjukkan bahawa faktor bahasa pengantar dalam mempengaruhi pencapaian pelajar adalah tidak begitu besar. Kebanyakan responden bersetuju bahawa bahasa pengantar tidak mempengaruhi pencapaian mereka.
- ii) Hubungan adalah signifikan antara faktor pengajaran guru dengan pencapaian akademik pelajar. Responden bersetuju bahawa faktor pengajaran pensyarah memainkan peranan paling penting dalam pencapaian mereka. Ini memberikan satu petunjuk bahawa pensyarah perlu diberi latihan dan pendedahan kepada

cara-cara penyampaian yang lebih berkesan dan baik bagi membantu pelajar memperolehi pencapaian akademik yang baik. Hasil kajian yang diperolehi juga berkemungkinan berlaku kerana kebanyakan responden secara amnya mempunyai asas Bahasa Inggeris yang mudah. Walaupun kurang berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris tetapi mereka boleh memahami apa yang disampaikan oleh pensyarah. Ini mungkin disebabkan kebanyakan pensyarah menggunakan Bahasa Inggeris yang mudah dalam pengajaran mereka.

- iii) Hubungan adalah tidak signifikan antara faktor tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar dengan pencapaian akademik pelajar. Bagi faktor yang ketiga ini responden tidak menunjukkan hubungan yang signifikan adalah mungkin kerana pelajar tidak mahu menjadikan kelemahan mereka sendiri sebagai alas an untuk mendapat keputusan yang baik.
- iv) Hubungan adalah signifikan antara faktor persekitaran dengan pencapaian akademik pelajar. Perhubungan yang signifikan antara persekitaran dan pencapaian ini mungkin disebabkan oleh persepsi pelajar terhadap kemudahan pembelajaran yang disediakan oleh pihak kolej dan persekitaran yang baik yang dianggap sebagai sesuatu yang akan membantu mereka mendapat keputusan yang baik dalam pelajaran.

## BAB V

### IMPLIKASI DAN RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

#### 5.1 RUMUSAN DAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan yang diperolehi dari kajian ini diharap dapat membantu pihak pengurusan akademik kolej untuk menambahbaik sistem pengajaran dan pembelajaran pelajar di KPMB. Pihak pengurusan akademik kolej boleh merangka satu tindakan yang dapat membantu pelajar dalam menguasai Bahasa Inggeris dengan mengambil kira faktor-faktor yang banyak mempengaruhi pelajar dalam pembelajaran mereka di kolej. Tindakan yang segera adalah penting kerana kita tidak mahu pelajar khasnya pelajar bumiputra terus ketinggalan dalam semua bidang ilmu.

Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor pensyarah dan persekitaran mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian pelajar. Ini menunjukkan bahawa pensyarah memainkan peranan yang penting dalam menarik minat pelajar untuk belajar dan untuk cuba menguasai Bahasa Inggeris. Faktor persekitaran juga memainkan peranannya yang tersendiri juga dalam menentukan tahap pencapaian pelajar dalam pembelajaran mereka.

Kajian juga mendapati bahawa tahap bagi faktor bahasa, faktor penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar dan faktor persekitaran terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris adalah pada tahap tidak pasti di mana bagi faktor bahasa 48% memberi jawapan tidak pasti, faktor penguasaan Bahasa Inggeris 59% memberi jawapan tidak pasti dan bagi faktor persekitaran pula 55% memberi jawapan tidak pasti. Bagi faktor pengajaran pensyarah 53% memberi jawapan setuju.

Pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris di Kolej Profesional MARA Beranang dipengaruhi oleh faktor pengajaran pensyarah dan juga persekitaran.

Diharapkan dengan kajian ini dapat membantu pihak pengurusan akademik kolej untuk merangka pelan tindakan yang bersesuaian bagi menangani isu pembelajaran pelajar dalam Bahasa Inggeris. Kerjasama antara pendidik dengan pihak pengurusan adalah amat penting dalam menangani isu ini. Di harapkan pelan tindakan itu nanti akan membantu MARA bagi melahirkan generasi bumiputra yang serba boleh dan berkemahiran dalam semua bidang yang diceburi.

## 5.2 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berdasarkan semua masalah dan persoalan yang timbul semasa kajian dijalankan dan dari dapatan yang diperolehi, penyelidik ingin memberikan beberapa cadangan kajian yang berkaitan bagi digunakan pada masa akan datang oleh penyelidik yang lain. Antara cadangan yang dirasakan dapat memberikan dapatan yang lebih baik adalah seperti berikut:

- (i) Kajian ini hanya melibatkan seramai 100 orang pelajar sahaja. Ini kerana kekangan masa yang wujud semasa kajian ini dijalankan. Jumlah sampel boleh digandakan supaya mendapat dapatan kajian yang lebih tepat.
- (ii) Responden yang dipilih adalah terhad kepada pelajar Kolej Profesional MARA Beranang sahaja. Kajian ini boleh diperluaskan lagi ke semua institusi pendidikan MARA yang lain.
- (iii) Soalan soalselidik hendaklah diubahsuai supaya jawapan pelajar tidak mewujudkan keadaan yang berat sebelah. Sebagai contoh adalah soalan dibahagian tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Kebanyakan pelajar akan memberikan jawapan yang tidak akan meletakkan kelemahan pelajar dalam menguasai Bahasa Inggeris sebagai faktor utama yang mempengaruhi pencapaian mereka . Mereka akan cenderung untuk meletakkan kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris adalah disebabkan oleh kaedah pengajaran pensyarah yang tidak berkesan.

### 5.3 KESIMPULAN

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa banyak lagi usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar KPMB. Tenaga pengajar memainkan peranan yang penting dalam membantu pelajar menguasai Bahasa Inggeris dengan lebih baik. Persekutaran pembelajaran juga perlu diperbaiki agar dapat membantu pelajar memahami setiap pengajaran dengan lebih mudah. Dalam membimbing pelajar, pensyarah mesti mengambil kira aspek perbezaan yang wujud dari segi latarbelakang setiap pelajar. Pelajar juga mesti menjadikan budaya membaca buku-buku dalam Bahasa Inggeris sebagai satu cara untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa tersebut.

Hak Milik MARA

## RUJUKAN

- Abdul Rahim Osman(1994). *Kanak-kanak Melayu Mundur: Keturunan atau Persekutaran*. Isu Pendidikan di Malaysia. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Asmah Haji Omar.(1989). Pengajaran bahasa untuk kemahiran berkomunikasi: pendekatan wacana.Dlm. Asmah Haji Omar (Eds.). *Kaedah pengajaran bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Nordin (2005). Student's Perception On Teaching Learning Mathematics In English. *Buletin Fakulti Pendidikan UTM*. 14 (1) : 39 - 47.
- Bell, J. (1988). "Teaching multi-level classes in ESL." San Diego, CA: Dominie Press.
- Erwin Tripp (1994). *Language Acquisition And Communicative Choice*. Stanford University Press.
- Ee Ah Meng(1997). *Psikologi Dalam Bilik darjah*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Farahasnida Che Shariff (2004). *Persepsi Guru Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Fasold R. (1999). *Sociolinguistics Of Society*. New York : Basil Blackwell.
- Fathman A. K. (1995). *Variables Affecting The Successful Learning Of English As A Second Language*. New York : Tesol Quarterly.
- Felder, R.M. & Henriques, E.R.(1996). Learning and Teaching Styles in Foreign & second Language Education. *Foreign Language Annals*. 28(1) : 21 – 31.
- Garsha.A.F. & Hicks, N.Y.(2000).Integrating Teaching Styles and Learning Styles with Instructional Technology. *College Teaching*.48(1): 2 – 15.
- Gilliland (1996). *Sound It's Effecton Teaching and Learning*. Planning and Development Of School Building Programs and Classroom Environment.
- Ibrahim Saat(1995). *Isu Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Jumrang Mendeng (2004). *Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Matematik Dalam Bahasa Inggeris. Tinjauan Persepsi Pelajar 3 Buah Sekolah Daerah Kota Kinabalu, Sabah*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Jumali Ismail (1992). Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Dalam pembelajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Di Kalangan Pelajar Melayu. *Jurnal Dewan*.
- Kamaruddin Hussin (1999). *Psikologi Bilik Darjah : Asas Pedagogi*. Kuala Lumpur : Utusan Publication And Distributors Sdn. Bhd.
- Oxford, R.L., Ehrman, M.E. & Lavine, R.(1991). Style Wars: Teacher-student Styles Conflicts in The Languange & Classroom.
- Robiah Sidin. 1994. Kajian tahap prasarana di institusi pendidikan guru: Status dan keperluan. Laporan Untuk Bahagian Guru Kementerian Pendidikan.
- Taib Osman (1998). *Bahasa Kebangsaan Dan Masa Depan Bangsa Dan Negara*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Arrifin Ahmad(1998).*Pendidikan Suatu Pemikiran Semula*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Tarmizi Amran (2003). *Penguasaan Bahasa Inggeris Di Kalangan Pelajar Tahun 4 SPA Fakulti Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.

Tuckmen dan Blair (1998). *Factor Associated With Pupil : Attitudes Towards Mathematics In Negerian Primary School*. Research Technological Mathematics Education. 33 : 247 - 255.

Widad Othman (1998). *Kaedah Mengajar Lukisan Kejuruteraan*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda. Bahasa. 11 : 1071 - 1080.

Hak Milik MARA

**LAMPIRAN**

A	Dapatan Min Dan Sisihan Piawai	33
B	Dapatan Ujian Korelasi	34
C	Dapatan Regresi Berbilang	37
D	Dapatan Ujian-t	39
E	Borang Soal Selidik	42

Hak Milik MARA

**LAMPIRAN A**  
**UJIAN MIN DAN SISIHAN PIAWAI**

Descriptive Statistics

	N	Mean	Std. Deviation
MEANBahasa	100	3.7217	.73591
MEANPensyarah	100	3.9717	.60814
MEANPenguasaan	100	3.5900	.67187
MEANPersekitaran	100	3.6850	.64523
Valid N (listwise)	100		

## LAMPIRAN B

## DAPATAN UJIAN KORELASI

**Descriptive Statistics**

	Mean	Std. Deviation	N
MEANBahas a	3.7217	.73591	100
FCGPA	2.5900	1.00599	100

**Correlations**

		MEANBahas a	FCGPA
MEANBahas Pearson a Correlation		1	.149
	Sig. (1-tailed)		.069
	N	100	100
FCGPA Pearson Correlation		.149	1
	Sig. (1-tailed)	.069	
	N	100	100

**Descriptive Statistics**

	Mean	Std. Deviation	N
FCGPA	2.5900	1.00599	100
MEANPenguasaan	3.5900	.67187	100

**Correlations**

		FCGPA	MEANPenguasaan
FCGPA	Pearson Correlation	1	-.057
	Sig. (1-tailed)		.287
	N	100	100
MEANPenguasaan	Pearson Correlation	-.057	1
	Sig. (1-tailed)	.287	
	N	100	100

**Descriptive Statistics**

	Mean	Std. Deviation	N
FCGPA	2.5900	1.00599	100
MEANPensyarah	3.9717	.60814	100

**Correlations**

		FCGPA	MEANPensyarah
FCGPA	Pearson Correlation	1	.333**
	Sig. (1-tailed)		.000
	N	100	100
MEANPensyarah	Pearson Correlation	.333**	1
	Sig. (1-tailed)	.000	
	N	100	100

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (1-tailed).

### Descriptive Statistics

	Mean	Std. Deviation	N
FCGPA	2.5900	1.00599	100
MEANPersekitaran	3.6850	.64523	100

### Correlations

		FCGPA	MEANPersekitaran
FCGPA	Pearson Correlation	1	.183*
	Sig. (1-tailed)		.034
	N	100	100
MEANPersekitaran	Pearson Correlation	.183*	1
	Sig. (1-tailed)	.034	
	N	100	100

\*. Correlation is significant at the 0.05 level (1-tailed).

**LAMPIRAN C**  
**REGRESI BERBILANG**

**Variables Entered/Removed<sup>b</sup>**

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	MEANPersekitaran, MEANBahasa, MEANPensyarah, MEANPenguasaan <sup>a</sup>		Enter

a. All requested variables entered.

b. Dependent Variable: FCGPA

**Model Summary<sup>b</sup>**

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.414 <sup>a</sup>	.172	.137	.93472

a. Predictors: (Constant), MEANPersekitaran,  
MEANBahasa, MEANPensyarah, MEANPenguasaan

b. Dependent Variable: FCGPA

**ANOVA<sup>b</sup>**

Model	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1 Regression	17.189	4	4.297	4.918	.001 <sup>a</sup>
Residual	83.001	95	.874		
Total	100.190	99			

a. Predictors: (Constant), MEANPersekitaran, MEANBahasa,  
MEANPensyarah, MEANPenguasaan

b. Dependent Variable: FCGPA

**Coefficients<sup>a</sup>**

Model	Unstandardized Coefficients		Beta	t	Sig.
	B	Std. Error			
1 (Constant)	.884	.690		1.282	.203
MEANBahasa	.153	.181	.112	.844	.401
MEANPensyarah	.561	.207	.339	2.709	.008
MEANPenguasaan	-.504	.195	-.336	-2.588	.011
MEANPersekutaran	.194	.194	.125	1.001	.319

a. Dependent Variable: FCGPA

**Residuals Statistics<sup>a</sup>**

	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation	N
Predicted Value	1.3628	3.6634	2.5900	.41668	100
Residual	-2.15399	2.10219	.00000	.91564	100
Std. Predicted Value	-2.945	2.576	.000	1.000	100
Std. Residual	-2.304	2.249	.000	.980	100

a. Dependent Variable: FCGPA

**Group Statistics**

	EJANTINA	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
MEANBahasa	Lelaki	32	3.6979	.96576	.17072
	Perempuan	68	3.7328	.60686	.07359
MEANPensyarah	Lelaki	32	3.8229	.75007	.13260
	Perempuan	68	4.0417	.52022	.06309
MEANPenggunaan	Lelaki	32	3.5990	.86640	.15316
	Perempuan	68	3.5858	.56537	.06856
MEANPersekitaran	Lelaki	32	3.6042	.83253	.14717
	Perempuan	68	3.7230	.53842	.06529

**Independent Samples Test**

		Levene's Test for Equality of Variances			t-test for Equality of Means					
		F	Sig.	t	df	Sig. (2- tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
									Lower	Upper
MEANBahasa	Equal variances assumed	5.363	.023	-.220	98	.826	-.03493	.15852	-.34951	.27966
	Equal variances not assumed			-.188	42.905	.852	-.03493	.18591	-.40987	.34002
MEANPensyarah	Equal variances assumed	5.518	.021	1.69	98	.094	-.21875	.12916	-.47506	.03756
	Equal variances not assumed			-.4	45.543	.143	-.21875	.14684	-.51440	.07690

Sambungan.....

MEANPenggunaan	Equal variances assumed	3.346	.070	.091	98	.928	.01317	.14476	-.27409	.30044
	Equal variances not assumed		.079	43.854	.938	.01317	.16780	-.32505	.35139	
MEANPersekitaran	Equal variances assumed	4.776	.031	.858	98	.393	-.11887	.13851	-.39373	.15599
	Equal variances not assumed				.738	43.622	.464	-.11887	.16100	-.44344 .20569

Hak Milik MARA

**LAMPIRAN E**  
**BORANG KAJI SELIDIK**

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENCAPAIAN PELAJAR DALAM  
PENGAJARAN & PEMBELAJARAN DALAM BAHASA INGGERIS DI  
KALANGAN PELAJAR KOLEJ PROFESIONAL MARA BERANANG: DARI  
PERSPEKTIF PELAJAR**

**Tujuan Kaji Selidik**

Untuk mendapatkan **maklum balas pelajar** mengenai pengajaran & pembelajaran dalam bahasa Inggeris di kalangan pelajar Kolej Profesional MARA Beranang: dari perspektif pelajar.

**PANDUAN**

1. Borang ini mengandungi **DUA (2)** Bahagian, iaitu:
  - a. **Bahagian A** – Soalan kaji selidik mengenai tajuk kajian; dan
  - b. **Bahagian B** – Maklumat mengenai pelajar
2. Semua soalan hendaklah dijawab.
3. Maklumat yang diperoleh hanya akan digunakan untuk tujuan Kaji Selidik keberkesanan dan penamaikan dalam pengajaran & pembelajaran dalam bahasa Inggeris di kalangan pelajar Kolej Profesional MARA Beranang.
4. Bagi setiap item, sila bulatkan untuk menyatakan pendapat anda mengikut skala yang diberikan.
5. Sila tandakan  di mana bersesuaian.

**BAHAGIAN A : SOALAN KAJI SELIDIK**

Bagi setiap item, sila bulatkan untuk menyatakan pendapat anda mengikut skala yang diberikan.

No	Perkara	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Sutuju	Sangat setuju
		1	2	3	4	5
<b>(A) Faktor bahasa pengantar</b>						
1	Saya faham segala isi pelajaran dalam BI yang disampaikan oleh guru	1	2	3	4	5
2	Saya dapat mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dalam BI dengan baik	1	2	3	4	5
3	Saya dapat mengingat istilah-istilah dalam bahasa Inggeris dengan baik	1	2	3	4	5
4	Saya dapat menjawab soalan mahupun latihan dalam BI yang dikemukakan oleh guru dengan baik samada secara lisan atau bertulis	1	2	3	4	5
5	Saya dapat menjawab soalan ujian mahupun peperiksaan Semua subjek dalam bahasa Inggeris dengan baik	1	2	3	4	5
6	Saya suka belajar dalam bahasa Inggeris	1	2	3	4	5
<b>(B) Faktor pengajaran pensyarah</b>						
7	Kaedah pengajaran dalam BI yang digunakan oleh guru mudah difahami	1	2	3	4	5
8	Guru menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran dalam BI	1	2	3	4	5
9	Guru menggunakan bahan bantu mengajar dalam BI semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat pelajar	1	2	3	4	5
10	Guru sentiasa bersedia mengajar dalam BI dan pengajaran guru teratur dan sistematik	1	2	3	4	5
11	Guru memberi tunjuk ajar apabila saya menghadapi sebarang masalah dalam pembelajaran menggunakan BI	1	2	3	4	5
12	Guru akan mengulang kembali isi pelajaran dalam BI jika saya tidak faham	1	2	3	4	5

No	Perkara	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Sutuju	Sangat setuju
		1	2	3	4	5

**(C) Faktor tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar**

13	Saya menguasai asas bahasa Inggeris dengan baik	1	2	3	4	5
14	Saya boleh membaca artikel, rencana, buku dan sebagainya dalam bahasa Inggeris dengan baik	1	2	3	4	5
15	Saya boleh menulis dan mengarang dalam bahasa Inggeris dengan baik	1	2	3	4	5
16	Saya boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan baik bersama rakan, keluarga dan sebagainya	1	2	3	4	5
17	Saya memahami kandungan buku teks, nota mahupun buku rujukan dalam bahasa Inggeris dengan baik	1	2	3	4	5
18	Pencapaian saya dalam mata pelajaran bahasa Inggeris adalah baik	1	2	3	4	5

**(D) Faktor persekitaran**

19	Aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam BI berjalan dalam suasana yang selesa dan menyeronokkan	1	2	3	4	5
20	Kolej mengadakan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar	1	2	3	4	5
21	Kolej menyediakan pelbagai kemudahan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris bagi kegunaan guru mahupun pelajar	1	2	3	4	5
22	Ibu bapa dan keluarga sering memberi dorongan kepada saya bagi pembelajaran dalam BI	1	2	3	4	5
23	Ibu bapa sentiasa mengikuti perkembangan dan tahap pencapaian pembelajaran .	1	2	3	4	5
24	Ibu bapa menyediakan buku rujukan, bahan bacaan, buku latihan dan sebagainya dalam BI.	1	2	3	4	5

**BAHAGIAN B : MAKLUMAT PELAJAR**

Bagi setiap item, sila tandakan (✓) atau isi tempat kosong pada ruangan yang berkaitan.

1. Jantina:  Lelaki  Perempuan
2. CGPA: 2.00-2.49  2.50-2.99  3.00 – 3.49  3.50- 4.00
3. Semester: 2  3  4  5
4. Program:

- Diploma Perakaunan  
 Diploma Pengajian Perniagaan  
 Diploma Perniagaan Tani  
 Diploma Teknologi Maklumat(HND)

5. Kelayakan Akademik:  
 SPM  
 STPM  
 Lain-lain (*sila nyatakan*) \_\_\_\_\_